

D.R. 23/97

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG
PERKHIDMATAN BERSAMA
(PEGAWAI HAL-EHWAL ISLAM) 1997**

SUSUNAN FASAL

Fasal

1. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Penubuhan perkhidmatan bersama.
4. Pelantikan pegawai, dll.
5. Penempatan pegawai.
6. Saraan pegawai.
7. Pegawai yang sedia ada.
8. Peraturan-peraturan.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu perkhidmatan bagi Pegawai Hal-Ehwal Islam untuk kegunaan bersama Persekutuan dan Negeri-Negeri, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

BAHAWASANYA adalah suaimanfaat bahawa suatu perkhidmatan bagi Pegawai Hal-Ehwal Islam untuk kegunaan bersama Persekutuan dan Negeri-Negeri ditubuhkan untuk mempertingkatkan jentera Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam pentadbiran hal-ehwal Islam:

DAN BAHAWASANYA terdapat permintaan daripada Negeri-Negeri tertentu supaya perkhidmatan sedemikian ditubuhkan:

OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Fasal (1) Perkara 133 Perlembagaan Persekutuan, MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam) 1997 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

(2) Akta ini hendaklah terpakai hanya bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan dan Negeri-Negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Selangor.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), jika mana-mana Negeri lain membuat permintaan kepada Kerajaan Persekutuan supaya pemakaian Akta ini diperluas kepadanya, Yang di-Pertuan Agong boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* memperluas pemakaian Akta ini kepada Negeri itu.

Tafsiran.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Negeri" termasuklah Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan;

"pegawai" ertinya pegawai perkhidmatan bersama;

"perkhidmatan bersama" ertinya Perkhidmatan Bersama bagi Pegawai Hal-Ehwal Islam yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"saraan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan;

"Suruhanjaya" ertinya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan di bawah Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan.

Penubuhan perkhidmatan bersama.

3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu perkhidmatan bersama bagi Pegawai-Pegawai Hal-Ehwal Islam untuk kegunaan bersama Persekutuan dan Negeri-Negeri yang hendaklah dikenali sebagai Perkhidmatan Bersama bagi Pegawai Hal-Ehwal Islam.

(2) Perkhidmatan bersama hendaklah terdiri daripada—

(a) semua pegawai, selain daripada Mufti, sama ada dalam perkhidmatan awam am Persekutuan atau dalam perkhidmatan awam Negeri, yang

diambil kerja di bawah Skim Perkhidmatan Pegawai Hal-Ehwal Islam di bawah Sistem Saraan Baru dan telah memilih untuk memasuki perkhidmatan bersama di bawah seksyen 7; dan

- (b) semua pegawai yang dilantik oleh Suruhanjaya ke dalam perkhidmatan bersama selepas Akta ini mula berkuatkuasa.

4. Kuasa untuk melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, menaikkan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas pegawai hendaklah terletak pada Suruhanjaya. Pelantikan pegawai, dll.

5. Seseorang pegawai boleh ditempatkan di pejabat Persekutuan atau Negeri atau ditukarkan— Penempatan pegawai.

- (a) dari pejabat satu Negeri ke pejabat suatu Negeri lain;
- (b) dari pejabat sesuatu Negeri ke pejabat Persekutuan; atau
- (c) dari pejabat Persekutuan ke pejabat suatu Negeri.

6. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang pegawai yang ditempatkan atau ditukarkan di bawah seksyen 5 hendaklah kekal sebagai anggota perkhidmatan bersama, tetapi saraannya hendaklah dibayar oleh Persekutuan atau Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang di pejabatnya dia ditempatkan atau ke pejabatnya dia ditukarkan. Saraan pegawai.

(2) Jika seseorang pegawai diambil kerja—

- (a) sebahagiannya bagi maksud persekutuan dan sebahagiannya bagi maksud Negeri; atau
- (b) bagi maksud dua Negeri atau lebih,

maka perkadaran saraannya, jika ada, yang kena dibayar oleh Persekutuan dan Negeri atau Negeri-Negeri yang berkenaan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan,

oleh setiap Negeri yang berkenaan, hendaklah ditentukan dengan persetujuan atau, jika tidak ada persetujuan, oleh Suruhanjaya.

Pegawai
yang sedia
ada.

7. (1) Kerajaan Persekutuan hendaklah, pada tarikh Akta ini mula berkuatkuasa, menerima ke dalam perkhidmatan bersama tiap-tiap orang yang sebelum sahaja tarikh itu ialah seorang pegawai, sama ada dalam perkhidmatan awam am Persekutuan atau dalam perkhidmatan awam suatu Negeri, yang diambil kerja di bawah Skim Perkhidmatan Pegawai Hal-Ehwal Islam di bawah Sistem Saraan Baru dan yang telah diberi opsyen oleh Kerajaan Persekutuan dan telah memilih untuk memasuki perkhidmatan bersama.

(2) Tiap-tiap orang yang memilih di bawah subseksyen (1) hendaklah diambil kerja dalam perkhidmatan bersama atas terma dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma dan syarat perkhidmatan yang dia berhak kepadanya sebelum sahaja tarikh yang disebut dalam subseksyen itu.

Peraturan-
peraturan.

8. Yang di-Pertuan Agong boleh membuat peraturan-peraturan yang suaimanfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu perkhidmatan bagi Pegawai Hal-Ehwal Islam untuk kegunaan bersama Persekutuan dan Negeri-Negeri.

2. *Fasal 1* membuat peruntukan bagi tajuk ringkas, dan bertujuan memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa untuk menetapkan tarikh mula berkuatkuasa Akta yang dicadangkan. *Fasal* ini juga mengandungi peruntukan pemakaian.

3. *Fasal 2* bertujuan mentakrifkan istilah-istilah tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

*Perkhidmatan Bersama (Pegawai
Hal-Ehwal Islam)* 7

4. *Fasal 3* bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Perkhidmatan Bersama bagi Pegawai Hal-Ehwal Islam.
5. *Fasal 4* bertujuan memberi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bidang kuasa ke atas pegawai-pegawai perkhidmatan bersama.
6. *Fasal 5* memperkatakan penempatan dan pertukaran pegawai dalam perkhidmatan bersama.
7. *Fasal 6* memperkatakan saraan pegawai dalam perkhidmatan bersama.
8. *Fasal 7* bertujuan membolehkan Pegawai-Pegawai Hal-Ehwal Islam dalam perkhidmatan awam am Persekutuan atau dalam perkhidmatan awam suatu Negeri memilih untuk memasuki perkhidmatan bersama.
9. *Fasal 8* bertujuan memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan Akta yang dicadangkan ini dengan lebih baik.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 2012.]